

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Malaysia mungkin sertai projek tanam rempah-ratus

Oleh AZIZ HASSAN

COLOMBO, Ahad — Malaysia akan mengkaji secara lebih mendalam kemungkinan menjemput sektor swasta menyertai projek pertanian di Lembah Mahaweli, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Antara projek yang boleh diusahakan di sini ialah menanam rempah-ratus untuk dieksport ke Malaysia, tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri: "Dari membeli setengah dari barang ini, kita boleh menanamnya di sini untuk dihantar semula ke Malaysia."

Katanya, lawatan ke kawasan Mahaweli bersama rombongan sektor swasta dan pelaburan telah membuka jalan kepada kemungkinan Malaysia menyertai bidang berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir semalam mengadakan temuramah khas dengan Televisyen dan Radio Sri Lanka dan sempat bertemu wartawan Malaysia yang meliputi lawatan beliau ke sini.

Dalam temuramah itu, beliau menekankan sekali lagi perlunya negara-negara membangun atau dunia ketiga bersatu serta mengamalkan pendekatan yang sama dalam isu-isu politik dan ekonomi.

Katanya, adalah perlu hubungan erat dijalinan antara para pemimpin sebelum persefahaman dapat dicapai.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh bergantung kepada negara maju untuk membantu kita kerana mereka sibuk dengan masalah mereka sendiri.

"Kita mesti berusaha untuk menjalinan persefahaman dan persahabatan untuk menjayakan sesuatu perhubungan itu.

"Dunia sekarang mengalami keadaan yang rumitkan, sama ada dalam konteks politik atau ekonomi. Negara-negara membangun tidak mendapat perhatian sewajarnya dari negara maju.

"Oleh itu adalah perlu bagi negara-negara membangun bersama-sama menyelesaikan sesuatu masalah."